InjET Vol.2 (2) November 2016
Article ID: InjET-XXXX-2016

# Sikap Guru Bahasa Melayu terhadap Pendekatan Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBM) dalam Pengajaran dan Pembelajaran di Daerah Petaling Perdana

*Norlizah Mat Ali & Fadzilah Abd Rahman*

**Kata kunci:**
**Kata kunci: Pendekatan pembelajaran berasaskan masalah, sikap guru bahasa Melayu, pengajaran dan pembelajaran**

Download
Full PDF

**Abstrak:**

Pendekatan Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBM) merupakan salah satu inovasi pendidikan dalam usaha mencorak generasi baharu yang berupaya menyelesaikan masalah dengan kreatif dan kritis. Pendekatan yang diperkenalkan oleh Howard Barrows pada tahun 1960-an ini mulai bertapak di Malaysia seawal tahun 1980-an namun terlalu kurang kajian terhadap pendekatan ini terutama terhadap guru-guru Bahasa Melayu.Berdasarkan tinjauan literatur didapati guru-guru masih selesa menggunakan pendekatan kuliah dan latih tubi bagi melahirkan murid yang cemerlang dalam peperiksaan apabila sistem pendidikan masih lagi berorientasikan peperiksaan. Sedangkan terdapat banyak pendekatan aktif dan kolaboratif seperti pendekatan Pembelajaran Berasaskan Masalah boleh dilaksanakan dan terbukti banyak kelebihannya dalam melahirkan generasi baharu yang berkualiti. Kajian ini melihat aspek sikap guru Bahasa Melayu terhadap pelaksanaan Pendekatan Pembelajaran Berasaskan Masalah dalam mewujudkan pembelajaran berkesan. Kajian ini dilakukan secara kuantitatif deskriptif dengan instrumen soal selidik. Sampel yang dipilih ialah guru-guru Bahasa Melayu sekolah menengah harian dalam Daerah Petaling Perdana, Selangor dengan penetapan sampel secara bertujuan. Perbincangan tentang sikap guru dalam kajian ini menggunakan Teori Sikap ABC Eagly dan Chaiken (1993) sebagai asas perbincangan. Hasil dapatan menunjukkan bahawa secara keseluruhannya guru-guru Bahasa Melayu dalam daerah Petaling Perdana ini mempunyai tahap kesediaan sikap yang positif (M=3.1162, SP= .28967) terhadap pendekatan PBM, namun jika dilihat secara mendalam aspek afektif menunjukkan tahap yang sangat positif (M= 3.5105, SP= .46857), aspek behavioral menunjukkan tahap yang positif (M= 3.3523, SP= .45415) Manakala aspek kognitif guru menunjukkan tahap kesediaan yang sangat negatif (M=3.24727, SP=.58361). Situasi ini menggambarkan masih terdapat kelemahan dari segi penerimaan guru terhadap pendekatan PBM dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Kajian ini diharap dapat memberi ruang kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia untuk menilai kembali penyediaan kursus dan pendedahan kepada guru-guru Bahasa Melayu terhadap pendekatan yang berkonsep penyelesaian masalah serta berpusatlkan murid dalam melahirkan generasi yang mampu berdaya saing.

**Keywords:**
**Keywords: Problem-based learning approach, the attitude of Malay Language teachers, teaching and learning**

**Abstract:**

Problem Based Learning approach is one of the innovation education in shaping a generation that is able to solve problems creatively and critically. The approach was introduced by Howard Barrows in 1960s and it starts to gain a foothold in Malaysia as early as the 1980s but too little research on this approach were made particularly against Malay Language teachers. Based on literature review, teacher still using approach to lecture and drill to produce students who excel in the examination when the system is still exam-oriented education. While there are many active and collaborative approach as PBL can be implemented and proven many advantages in creating a quality of new generations. This study examines the attitude of Malay Language teachers in the implementation of Problem Based Learning (PBL) approach in creating an effective learning. This study was conducted quantitative descriptive with the questionnaires used. The selected sample is Malay Language teachers in secondary schools

in the districts of Petaling Perdana, Selangor with the aim of determining the sample. In a discussion about the attitudes of teachers, this study uses the theory of attitude ABC Eagly and Chaiken (1993) as a basis for discussion. The findings showed that overall of Malay Language teachers in the Petaling Perdana has a positive level (M = 3.1162, SD = .28967) to PBL approach but if we look deeply affective aspects showed a very positive level (M = 3.5105, SP = .46857), behavioral aspects showed a positive level (M = 3.3523, SD = .45415) and cognitive showed very negative (M = 3.24727, SD = .58361) shows there are still weaknesses in the attitude towards the approach PBL in learning Malay Language. This study is expected to reiterate the space to the parties to reassess the provision of courses and exposure to Malay Language teachers to approach the concept of active and collaborative and student-centered like PBL to produce a competitive generation and solve problems critically and creatively.